



Kuala Lumpur: Pengembaraan sekumpulan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke Jepun untuk memberi khidmat masyarakat kepada minoriti Muslim di sana, menemukan mereka dengan beberapa pihak bukan Islam yang mengaku amat meminati nilai agama syumul itu.

Antara pihak berkenaan ialah penyelidik Organisasi Pengajian Islam, Waseda University di Tokyo, Okai Hirofumi yang tertarik dengan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai subjek penyelidikannya, malah berhasrat mengunjungi USIM suatu hari nanti untuk mengkaji lebih mendalam mengenai Islam.

Pengarah projek berkenaan, Siti Raudhah Mohd Azmin, berkata kembara 'Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura' turut menarik perhatian stesen televisyen terkemuka di Jepun. Stesen Fuji TV, yang mempelawa peserta terbabit menayangkan rakaman program khas mengenai kehidupan seorang Muslim.

Beliau berkata, rakaman itu kemudian berjalan lancar di pekarangan Masjid Camii yang terletak di wilayah Shibuya.

Dekati Muslim di bumi sakura

Tiada restoran makanan halal

"Setiap lawatan ke negara minoriti Islam bagaimanapun pasti ada cabaran, terutama membabitkan soal makanan halal. Pengalaman paling diingati di Jepun ketika kami melawat Pulau Odaiba yang terkenal dengan nama Aquacity tiada restoran makanan halal dijumpai.

"Kami bernasib baik kerana ada dalam kalangan peserta membawa bekalan makanan dari Malaysia seperti serunding, sambal belacan dan beberapa pek hidangan segera yang dikongsi beramai-ramai untuk alas perut," katanya.

Kembara selama seminggu menerusi program Global Islamic Students Outreach (GISO) itu dianjurkan Jawatankuasa Kebajikan Siswa (JAKSA), Kolej Kediaman 1 USIM, membabitkan seramai 16 peserta.

Pelbagai pengisian diatur

Felo Kolej Kediaman 1

USIM, Ahmad Faiz Aziz, berkata pelbagai pengisian diatur dengan masyarakat minoriti Muslim di Jepun seperti diskusi dakwah, pertukaran budaya, kelas qasidah, aktiviti bersama-sama kanak-kanak Muslim, perkongsian ilmu serta aktiviti silaturrahim di masjid yang dikunjungi seperti Masjid Tokyo (Camii) dan Masjid Otsuka.

"Dalam kunjungan ke sebuah tadika Islam di Bandar Otsuka yang dinamakan 'Islamiyyah Kindergarten School', peserta diberi peluang oleh gurunya untuk turut menyertai aktiviti pengajaran Pendidikan Islam kepada kanak-kanak di situ menggunakan potongan kad kecil.

"Tadika itu yang dibina sejak lapan tahun lalu hasil inisiatif komuniti Islam di sana, menempatkan kira-kira 20 kanak-kanak Jepun serta sebahagian kecil anak rakyat Malaysia, Pakistan dan Indonesia," katanya.



Mahasiswa USIM yang menayakan program kembara 'Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura'.